



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 2

16hb Januari 2020

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 1.

AKTA BINATANG 1953

**PERINTAH KAWASAN PEMBASMIAN PENYAKIT TUBERKULOSIS
(NEGERI SELANGOR) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*], Menteri Besar Selangor membuat perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawasan Pembasmian Penyakit Tuberkulosis (Negeri Selangor) 2018**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun dari tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Kawasan Pembasmian Penyakit Tuberkulosis

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” ertinya lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa dan babi daripada apa-apa umur, jantina, baka dan generasi;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor;

“penyakit” ertinya Tuberkulosis;

“Pihak Berkuasa Veterinar” ertinya mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor di bawah seksyen 3 Akta Binatang 1953 [*Akta 647*].

3. Negeri Selangor adalah diisytiharkan menjadi Kawasan Pembasmian Penyakit Tuberkulosis.

Larangan pemindahan atau penyembelihan

4. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan dengan kebenaran bertulis oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan di bawah pengawasan Pengarah Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Veterinar—

- (a) memindahkan atau menyebabkan dipindah apa-apa binatang keluar dari Negeri Selangor;
- (b) memindahkan atau menyebabkan dipindah apa-apa binatang ke dalam Negeri Selangor;
- (c) memindahkan atau menyebabkan dipindah apa-apa binatang dari satu kawasan ke satu kawasan di dalam Negeri Selangor;
- (d) menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang yang telah disahkan dijangkiti penyakit di dalam Negeri Selangor; dan
- (e) menjual dan menyimpan atau menyebabkan disimpan apa-apa karkas binatang yang telah disahkan dijangkiti Penyakit Tuberkulosis di dalam Negeri Selangor.

(2) Pengarah Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Veterinar boleh menetapkan apa-apa syarat di dalam kebenaran bertulis yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1) dan syarat-syarat ini jika ada hendaklah dipatuhi oleh sesiapa yang memindah atau menyembelih binatang itu.

Arahan penyerahan binatang

5. Pengarah Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Veterinar boleh pada bila-bila masa dan dengan cara yang ditentukan, mengarahkan apa-apa binatang dalam kawasan pembasmian diserahkan atau diambil apa-apa bahan dari binatang untuk tujuan pemeriksaan, ujian, kajian atau untuk apa-apa tujuan dan tindakan yang difikirkan perlu untuk membasmi penyakit.

Penyimpanan untuk pembiakan dilarang

6. Tiada seorang pun boleh menyimpan atau menyebabkan disimpan dengan tujuan pembiakan apa-apa binatang yang telah disahkan dijangkiti penyakit Tuberkulosis.

Pematuhan Perintah

7. Mana-mana orang tanpa alasan yang munasabah enggan mematuhi atau gagal melaksanakan apa-apa larangan, perintah, arahan ataupun kehendak di bawah Perintah ini atau di bawah subseksyen 36(6) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*] adalah melakukan suatu kesalahan.

Dibuat 18 Oktober 2019

[JPV.Sel./BR/800/5/21; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/23]

TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Menteri Besar
Selangor

ANIMALS ACT 1953

TUBERCULOSIS DISEASE ERADICATION AREA (STATE OF SELANGOR)
ORDER 2018

In exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Animals Act 1953 [*Act 647*], the Menteri Besar of Selangor makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Tuberculosis Disease Eradication Area (State of Selangor) Order 2018**.

(2) This order comes into operation for a period of five years from the date of its publication in the *Gazette*.

Tuberculosis Disease Eradication Area**Interpretation**

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“animal” means cattle, buffaloes, goats, sheep, deer and pigs from any age, sex, breed or generation;

“State Director” means the State Director of Veterinary Services Selangor;

“disease” means Tuberculosis;

“Veterinary Authority” means any person appointed in writing by the State Director of Veterinary Services Selangor, by under section 3 Animal Act 1953 [*Act 647*].

3. The State of Selangor is declared to be Tuberculosis Disease Eradication Area.

Prohibition of Movement or Slaughtering

4. (1) No person shall, except with the written permission of the State Director of Veterinary Services of Selangor and under supervision of the State Director or any Veterinary Authority—

- (a) removed or caused to be removed any animal out of the State of Selangor;
- (b) remove or caused to be removed any animal into the State of Selangor;
- (c) remove or caused to be removed from an area to other area in the State of Selangor;
- (d) slaughter or caused to be slaughtered any animal which has been confirmed to be infected with disease in the State of Selangor; and
- (e) sell and keep or caused to be kept any carcass of any animal that has been confirmed to be infected with Tuberculosis Disease in the State of Selangor.

(2) The State Director or any Veterinary Authority may prescribe any condition in the written permission issued under subparagraph (1) and such condition if any shall be complied by any person who moved or slaughter the animal.

Instruction to submit animal

5. The State Director or any Veterinary Authority may at time and by the method specified, to instruct any animal within infected area to be submitted or to be taken any substance from such animal for the purpose of examination, testing, studying or for purpose and action deemed necessary to eradicate the disease.

Keeping for breeding prohibited

6. No person shall keep or cause to be kept for the purpose of breeding any animal which has been confirmed to be infected with Tuberculosis Disease.

Obedience of Order

7. Any person without reasonable reason refuses to comply or fails to carry out any prohibition, order, instruction or requirement under this Order or under subsection 36(6) Animals Act 1953 [*Act 647*] commits an offence.

Made 18 October 2019

[JPV.Sel./BR/800/5/21; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/23]

TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
*Menteri Besar of
Selangor*

Sel. P.U. 2.**AKTA BINATANG 1953****PERINTAH PEMBASMIAN PENYAKIT TUBERKULOSIS (NEGERI SELANGOR) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(2) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*], Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor membuat perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembasmian Penyakit Tuberkulosis (Negeri Selangor) 2018**.

(2) Perintah ini hendaklah terpakai bagi seluruh Negeri Selangor dan akan berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun dari tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” ertinya lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa dan babi dari apa-apa umur, jantina, baka dan generasi;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor;

“penyakit” ertinya Tuberkulosis;

“Pihak Berkuasa Veterinar” ertinya mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor di bawah seksyen 3, Akta Binatang 1953 [*Akta 647*].

“Tuanpunya” ertinya termasuk mana-mana orang pada masa itu bertanggungjawab bagi apa-apa binatang atau burung dan mana-mana orang pada masa itu mendiami mana-mana bangunan.

Larangan pemindahan atau penyembelihan

3. Tidak bertentangan dengan perintah subseksyen 36(1), tiada seorang pun boleh, melainkan dengan kebenaran bertulis oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan di bawah pengawasan Pengarah Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Veterinar, melaksanakan apa-apa tindakan seperti dinyatakan dalam subperenggan 4(1) dan (2) Perintah subseksyen 36(1).

Kuasa Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Veterinar

4. (1) Pengarah Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Veterinar boleh pada bila-bila masa—

- (a) mengarahkan supaya tuanpunya binatang menyerahkan binatang, karkas, bangkainya atau item-item lain yang difikirkan perlu mengikut masa, tarikh dan tempat yang ditetapkan untuk tujuan pemeriksaan dan pengambilan sampel-sampel bagi tujuan ujian, kajian atau pengesanan penyakit dan apa-apa kos serta perbelanjaannya boleh diperoleh semula olehnya daripada tuanpunya binatang yang berkenaan;
- (b) mengarahkan tuanpunya binatang, sama ada binatang itu dalam satu kelompok atau tidak, yang mana sampelnya telah diuji dan menunjukkan ianya dijangkiti penyakit mengambil tindakan berikut—
 - (i) mengasingkan binatang berkaitan dari kelompok asal dan mengurungkannya dalam satu tempat yang berasingan;
 - (ii) dengan serta-merta menandakan binatang berkaitan mengikut cara yang ditetapkan; dan
 - (iii) melupuskan binatang berkaitan mengikut cara yang ditentukan oleh Pengarah Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Veterinar;
- (c) mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu untuk tujuan kawalan pencegahan dan pembasmian penyakit.

5. Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah enggan mematuhi atau gagal melaksanakan apa-apa larangan, arahan ataupun kehendak di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Dibuat pada 4 November 2019

[JPV.Sel./BR/800/5/21; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/23]

DR. HASSUZANA BINTI KHALIL
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
Selangor*

ANIMALS ACT 1953

TUBERCULOSIS DISEASE ERADICATION (STATE OF SELANGOR) STATE
DIRECTORS ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 36(2) of the Animals Act 1953 [Act 647], the Selangor State Director of Veterinary Services makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Tuberculosis Disease Eradication (State of Selangor) State Directors Order 2018**.

(2) This order shall apply throughout the State of Selangor and will come into operation for a period of five years from the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“animal” means cattle, buffaloes, goats, sheep, deer and pig from any age, sex, breed or generation;

“State Director” means the State Director of Veterinary Services Selangor;

“disease” means Tuberculosis;

“Veterinary Authority” means any person appointed in writing by the State Director of Veterinary Services Selangor by under section 3 Animal Act 1953 [*Act 647*];

“Owner” means includes any person for the time being in charge of any animal or bird and any person for the time being in occupation of any building.

Prohibition of movement or slaughtering

3. Subject to Order of subsection 36(1), no person shall, except with the written permission by the State Director of Veterinary Services Selangor and under supervision of the State Director or any Veterinary Authority, carry out any action as stated under subparagraph 4(1) and (2) Order of subsection 36(1).

Powers of State Director or Veterinary Authority

4. (1) The State Director or any Veterinary Authority may at any time—

(a) direct the owner of the animal to submit the animal, carcass, its cadaver or other items as he deems necessary at such time, date, and place for the purposes of examination and collection of samples for the purpose of testing, studying or monitoring of the disease and any costs and expenses thereof may be recoverable by him from the owner of the animal concerned;

(b) direct the owner of the animal, whether the animal is in herd or not, where its sample has been tested and confirmed to be infected with the disease to take the following actions—

(i) isolate such animal from the original herd and confine the animal in a separate place;

(ii) immediately mark such animal based on the prescribed method;
and

- (iii) dispose such animal based on the method specified by the State Director or any Veterinary Authority;
- (c) impose any other conditions that is deemed necessary for the purpose of prevention control and eradication of the disease.
5. Any person without reasonable reason refuses to comply or fails to carry out any prohibition, instruction or requirement under this Order commits an offence.

Made 4 November 2019

[JPV.Sel./BR/800/5/21; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/23]

DR. HASSUZANA BINTI KHALIL
State Director of Veterinary Services
Selangor

Sel. P.U. 3.

ENAKMEN RIZAB MELAYU

PERINTAH RIZAB MELAYU (SELANGOR) (No. 12) 2019

PEMBETULAN

DALAM Pemberitahuan *Warta* Kerajaan Negeri Selangor Sel. P.U. 32 yang disiarkan pada 19 Disember 2019, dipinda dengan menggantikan perkataan “ERAJAYA SDN. BHD.” dengan perkataan “ERAJAYA TROPIKA SDN. BHD.”.

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

MALAY RESERVATIONS (SELANGOR) (No. 12) ORDER 2019

CORRIGENDUM

IN the Government of Selangor *Gazette* Notification Sel. P.U. 32 published on 19 December 2019, is amended by substituting for the word “ERAJAYA SDN. BHD.” with the word “ERAJAYA TROPIKA SDN. BHD.”.

[PTG. Sel. 16/5/1/1930; P.U. Sel. (ADV)PS(S)05/3/3 Jld. 3]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA